

ewan

BUDAYA

دینان بودایا

Memartabatkan
Kebudayaan
Kebangsaan

Merangkai Kisah
dan Membina Cerita

Makna Sebuah

Kedaulatan



Gemilang

90528 0807
6-8473



JUNG MALAYSIA RM6.00 SABAH/SARAWAK RM6.50 BRUNEI DARUSSALAM B\$6.00 SINGAPURA S\$6.00



KANDUNGAN

OGOS 2007

REJAB - SYAABAN 1428H • JILID 29 • BILANGAN 08 • KK 306 90528 0807 • ISSN 0126-8473

FOKUS

- 9** Makna Sebuah Kedaulatan:
Pandangan Melayu
Terhadap Dirinya
– Datuk Hassan Ahmad
- 15** Memaknakan Bangsa
yang Merdeka
– Malim Ghozali PK



KOLUMNIS

- 14** Susur Budaya
Musim Sejuk
di Selepas Utara
– Muhammad Haji Salleh
- 18** Saling Silang
Surah Al-Fil dan Saya:
Suatu Pencarian
– Umar Junus
- 10** Jejak Seni
Antara Pawang, Ancak
dan Adat
– Johan Jaaffar



MASYARAKAT DAN SENI

- 10** Ruangan Khas
Kemerdekaan
Di Lantai Tanah Berbudi Ini
– Lim Swee Tin
- 2** Pemikiran
Memartabatkan Kebudayaan
Kebangsaan
– Zainal Jumat
- 5** Ulasan Buku
Tokoh Sasterawan Kedah
– Saad Taib
- 7** Profil Seniman
Seniwtati Latifah Omar:
Primadona Filem Melayu
– Shaari Safie
- 9** Teater
Menariknya Persembahan
URMI
– Adib Ashraf
- 7** Warisan
Galeri Pengangkutan Air
– Nor Sazila Samat
- D** Budaya Etnik
Sistem Penamaan dalam
Masyarakat Kenyah
– Juna Liau @ Sue-Lau Liu
- 3** Bicara Seniman
Merangkai Kisah dan
Membina Cerita
– Marsli N.O.



- 56** Seni
NORA ABDULLAH:
Meneroka Pelbagai
Bidang Seni
– Mohamad Kamal Abd. Aziz
- 58** Seni
Melangkah ke Hadapan
Bersama Tradisi
– Nasirazali
- 61** Cerpen
Air Mata Orang Kaya
– Saharil Hasrin Sanin
- 2** Catatan Ketua Editor
- 3** Nota Editor
- 4** Panorama Seni
- 8** Lembaran Pembaca
- 33** Indahnya Tanah
Airku

KETUA EDITOR
Padilah Haji Ali
(padilah@dbp.gov.my)

EDITOR
A. Ghafar Haji Abdulrah
(ghafar@dbp.gov.my)

PENOLONG EDITOR
Adnan Abd. Jamil
(adnan@dbp.gov.my)
Shahrulizam Azuddin
(shahrulizam@dbp.gov.my)

PENTADBIRAN
Jamilah Abd. Kadir
Aishah Salleh
Zaharah Ngah Marzuki
Ruzana Haji Samhudi
Zainab Abdul Rahim
Khairul Azhar Baharuddin

REKA BENTUK KULIT
REKA LETAK HALAMAN
DAWAMA SDN. BHD.

PENGURUSI LEMBAGA
PENGELOLA
Datuk Johan Jaaffar

KETUA PENGARAH
Dato' Dr. Firdaus Haji Abdullah

TIMBALAN KETUA PENGARAH
Kamarul Zaman Shaharudin

PENGARAH PENERBITAN
Zulkiffi Salleh

KETUA BAHAGIAN
PENYELARASAN PENERBITAN DAN
KAWAL SELIA
PENSWASTAAN
Haji Khalid Haji Ahmad

URUSAN LANGGANAN
Unit Khidmat Penganggaran,
Dawama Sdn. Bhd.,
Kompleks Dawama, Lot. 1037,
Jalan AU3/1, 54200 Ampang/
Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan,
Tel: 03-41074233, 41074286
Faks: 03-41084235
<http://www.dawama.com>

PENCETAK
Dawama Sdn. Bhd.,
Kompleks Dawama,
Lot. 1037, Jalan AU3/1,
54200 Ampang/Hulu Kelang,
Tel: 03-41074233
Faks: 03-41084235



HAIDIAH IKHLAS DEWAN BUDAYA

Masyarakat Kenyah Uma Bakah di Sarawak tinggal di beberapa buah perkampungan, iaitu di Uma Bakah, ungai Asap/Koyan, Belaga dan Seng Anau di bahagian Kapit. Pekerjaan utama mereka berhuma dan berkebun secara kecil-kecilan, terutama menanam lada hitam. Sejumlah kecil lagi bekerja di sektor pembalakan, kakitangan kerajaan dan swasta serta terlibat dalam bidang perniagaan. Masyarakat Kenyah juga bergiat cergas dalam bidang kesenian, muzik dan kraf tangan. Majoriti masyarakat Kenyah beragama Kristian.

Menurut Whittier (1981:6), terdapat lima jenis sistem penamaan dalam masyarakat Kenyah, iaitu *autonym*, istilah saudara, *teknonym*, *necronym* dan *gerontonym*. *Autonym* bermaksud nama peribadi atau nama seseorang individu. Istilah saudara pula merujuk kepada dua aspek, iaitu istilah kekeluargaan dan istilah persemendaan. *Teknonym* bermaksud nama yang digunakan oleh ibu bapa apabila mendapat cahaya mata pertama (sulung). *Necronym* bermaksud nama yang diberikan kepada seseorang individu apabila berlaku kematian dalam kalangan ahli keluarganya. Manakala *Gerontonym* bermaksud

Sistem Penamaan dalam Masyarakat Kenyah

Oleh JUNA LIAU @ SUE-LAU LIU



FOTO: PENULIS

Persembahan oleh Kumpulan Kebudayaan Kenyah Uma Bakah semasa menyambut Hari Kemerdekaan.

Salah satu amalan budaya masyarakat Kenyah Uma Bakah yang masih diamalkan ialah sistem penamaan. Amalan ini mempunyai makna yang mendalam dalam kalangan masyarakat Kenyah. Hal ini bermakna sistem penamaan bersesuaian dengan persekitaran manusia yang memerlukan interaksi antara satu sama lain.



nama yang diberikan kepada seseorang individu setelah mendapat cucu.

Dalam konteks perbincangan ini, tumpuan akan diberikan kepada tiga jenis penamaan, iaitu *teknonym*, *necronym* dan *gerontonym*.

Teknonym merupakan satu bentuk sistem penamaan yang paling lumrah dalam masyarakat Kenyah. Setelah mendapat cahaya mata pertama (sulung), seseorang bapa akan dipanggil sebagai *tuweng* (jika memperoleh anak lelaki) dan *tafeng* (jika memperoleh anak perempuan). Sebaliknya ibu akan digelar sebagai *tiin* tanpa mengira sama ada anak yang dilahirkan lelaki atau perempuan. Contohnya, jika nama si suami Jalong, maka dia akan digelar sebagai *Tuweng Jalong* atau *Tafeng Jalong*. Sebaliknya si isteri akan dipanggil sebagai *tiin* sahaja. Penggunaan istilah berkenaan akan berterusan sehingga berlaku peristiwa yang membolehkan

nama berkenaan digugurkan jika berlaku kematian atau selepas seseorang itu mendapat cucu.

Selain itu, pasangan suami isteri juga boleh dipanggil dengan nama Amai atau We (kedua-duanya merujuk kepada nama anak). Contohnya, jika anak sulung pasangan dinamakan Urai, maka bapanya akan dipanggil sebagai Amai Urai (bermaksud bapa kepada Urai), manakala emaknya We Urai (ibu kepada Urai). Panggilan *tafeng*, *tuweng*, dan *tiin* lebih elok digunakan jika pemanggil tidak tahu atau tidak pasti nama sebenar

sistem penamaan hanya boleh digunakan oleh individu yang telah berkahwin dan memiliki cahaya mata (anak kandung atau pengambilan anak angkat). Selain itu, fungsi *teknonym* adalah untuk menandakan identifikasi antara suami dengan isteri sebagai pasangan yang sah dari kaca mata masyarakat.

tentulah keluarga berkenaan mengalami kesedihan dan kepiluan (*ngadan lumo*). Oleh sebab itu, apabila seseorang bapa meninggal dunia, maka anak lelaki akan digelar *uyau* manakala anak perempuan digelar *utan*. Contohnya, jika seorang anak bernama

Merang, maka dia akan dipanggil sebagai *Uyau Merang*.

Jika kematian seseorang bapa semasa anak lelakinya masih bayi lagi, maka anak lelakinya digelar *uyau iot* atau *amat*. Manakala anak perempuan digelar *abe*. Jika si ibu meninggal dunia, anak-anaknya akan digelar *ilon* (tanpa mengira jantina).

Terdapat beberapa istilah yang merujuk kepada seseorang apabila berlaku sesuatu kematian dalam sesebuah keluarga. Istilah *beye* merujuk

kepada cucu yang lahir beberapa hari sebelum atau selepas kematian datuk atau neneknya. *Piat* merujuk kepada datuk dan nenek yang kematian cucu, dan *luong* merujuk kepada seseorang yang kematian ibu bapa dan hidup sebatang kara.


Rumah panjang masyarakat Kenyah.

anak pasangan tersebut tetapi mengetahui jantina anak mereka.

Terdapat beberapa fungsi penggunaan *teknonym*. Salah satu adalah untuk menandakan status seseorang individu dalam masyarakat Kenyah. Namun,

Berdasarkan budaya masyarakat Kenyah, panggilan dengan nama sebenar dianggap kurang sopan dan tidak beradat jika seseorang individu sudah memperoleh anak.

Apabila berlaku kematian dalam sesebuah keluarga, maka



Gelaran bagi suami isteri akibat sesuatu kematian:

- a) *Tubang* ialah gelaran bagi suami isteri akibat kematian anak mereka secara tiba-tiba (mengejut) dan mati di tempat lain (bukan di kampung halaman sendiri).
- b) *Lenga* merujuk kepada ibu bapa yang kematian kesemua anak mereka.
- c) *Uyong* merujuk kepada ibu bapa yang kematian anak pertama.
- d) *Buyo* merujuk kepada ibu yang kematian anak kedua dan *boi* ialah gelaran bagi suami.
- e) *Mawa* merujuk kepada ibu bapa akibat kematian anak yang ketiga.
- f) *Sawang* merujuk kepada ibu bapa akibat kematian anak yang keempat.
- g) *Luot* merujuk kepada ibu bapa akibat kematian anak yang kelima.
- h) *Sawa* merujuk kepada ibu bapa akibat kematian anak yang keenam.
- i) *Bali* merujuk kepada ibu bapa akibat kematian anak yang ketujuh.
- j) *Uhek* merujuk kepada ibu bapa akibat kematian anak yang paling bongsu.

Istilah *gerontonym* merujuk kepada seseorang individu yang baru memperoleh cucu. Sistem penamaan ini melambangkan tatus sosial seseorang individu dalam masyarakat Kenyah kerana sudah menjadi datuk tau nenek serta menandakan dia semakin berumur.

Penggunaan *gerontonym*

dilakukan dengan menambahkan huruf "P" atau suku kata "Pe" pada nama seseorang individu. Jika nama individu bermula dengan huruf vokal (a, e, i, o, u), maka huruf "P" sahaja akan ditambahkan. Sebaliknya jika nama seseorang individu bermula dengan huruf



Masyarakat Kenyah kaya dengan kebudayaan tradisional.

konsonan, maka suku kata "Pe" akan digunakan. Contohnya nama individu seperti Asang, Bungan, Balan, Eno, Libut, Urai, Uyang dan Jalong akan menjadi Pasang, Pebungan, Pebalan, Peno, Pelibut, Purai, Puyang dan Pejalong.

Walau bagaimanapun, terdapat kelonggaran dalam penggunaan gabungan nama sebenar atau nama yang disukai individu dalam konteks sistem penamaan ini. *Gerontonym* yang dipilih juga berunsurkan nilai positif dan melambangkan keceriaan. Contohnya nama sebenar Ketua Kampung Uma

Bakah ialah Padan Bisau atau Amai Uton. Apabila mendapat cucu beliau lebih gemar dipanggil sebagai Pesalam.

Rumusannya, proses pertukaran nama dalam masyarakat Kenyah berlaku dalam dua bentuk, iaitu yang menandakan kegembiraan (seperti setelah mendapat anak atau cucu) dan sewaktu kesedihan (kematian). Sistem penamaan ini merupakan suatu rentetan peristiwa, dan mempunyai makna yang mendalam dalam kalangan masyarakat Kenyah, khususnya yang tinggal di kampung. **DB**